



SERTAI KAMI DAN JADILAH SEBAHAGIAN DARIPADA PELAKSANA TRANSFORMASI PENGURUSAN HARTA INTELEK DI MALAYSIA

Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang bertanggungjawab kepada pendaftaran dan pentadbiran sistem harta intelek seperti cap dagangan, paten, hak cipta, reka bentuk perindustrian dan susun atur litar bersepadu di Malaysia.

Misi kami ialah membangun, mempertingkatkan serta menambahbaik infrastruktur perundangan harta intelek dan sistem pentadbiran yang cekap melalui eksploitasi harta intelek (HI).

Seiring dengan kemajuan MyIPO yang dinamik, kami mempelawa warganegara Malaysia yang memenuhi kelayakan dengan penghasilan kerja berprestasi tinggi bagi mengisi kekosongan jawatan di **MyIPO**.

SYARAT-SYARAT ASAS

Kami mempelawa calon-calon yang mempunyai kebolehan seperti berikut:-

- Warganegara Malaysia;
- Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

- Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dengan baik. Kebolehan menguasai bahasa lain adalah diberi keutamaan;
- Berkebolehan mengendalikan komputer di dalam *word processing*, *spreadsheet* dan *powerpoint*;
- Mempunyai sikap positif, kreatif, inovatif, berkeyakinan tinggi dan kemahiran berkomunikasi di semua peringkat;
- Boleh bekerja sebagai satu pasukan serta boleh melakukan kerja-kerja di bawah penyeliaan yang minimum; dan
- Berkemampuan melakukan pelbagai tugas dalam masa yang ditetapkan dan boleh bekerja di bawah tekanan.

1. PEGAWAI HARTA INTELEK - (KONTRAK)

Klasifikasi	:	Perkhidmatan Harta Intelek
Kumpulan Perkhidmatan	:	Eksekutif
Gred	:	IP8
Skala Gaji	:	RM2,688.00 – RM9,630.00

Peranan dan tanggungjawab adalah seperti berikut:

- Penempatan penugasan di **Bahagian Sumber Manusia**;
- Melaksanakan urusan perjawatan yang merangkumi proses iklan kekosongan jawatan, pemilihan, temuduga, lantikan, penempatan; pertukaran dan peletakan jawatan;
- Melaksanakan pelantikan secara peminjaman dan pelantikan secara kontrak;
- Melaksana, mengurus dan menganjurkan kursus/ latihan/ bengkel seminar kepada warga kerja MyIPO seperti kursus pra-persaraan, TLOM, kursus kepimpinan dan aktiviti-aktiviti sosial;
- Menyediakan kertas pertimbangan/ cadangan bagi kelulusan dan makluman ahli mesyuarat pengurusan tertinggi MyIPO atau mesyuarat bersama Anggota Perbadanan;
- Bertindak sebagai urus setia mesyuarat-mesyuarat pengurusan MyIPO serta mesyuarat bersama Anggota Perbadanan;
- Mengemaskini data maklumat warga kerja MyIPO secara manual dari segi pergerakan/ perubahan kenaikan gaji tahunan, carta organisasi, kenaikan pangkat, pertukaran penempatan dan lain-lain yang berkaitan;
- Bertanggungjawab dalam semakan buku perkhidmatan warga kerja MyIPO; dan
- Menjalankan tugas-tugas berkaitan sumber manusia serta tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

Syarat kelayakan:

- Ijazah Sarjana Muda/ Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

2. PEGAWAI HARTA INTELEK - (KONTRAK)

Klasifikasi	:	Perkhidmatan Harta Intelek
Kumpulan Perkhidmatan	:	Eksekutif
Gred	:	IP8
Skala Gaji	:	RM2,688.00 – RM9,630.00

Peranan dan tanggungjawab adalah seperti berikut:

- Penempatan penugasan di **Bahagian Dasar & Hubungan Antarabangsa**;
- Menyelaras dan menerbitkan laporan tahunan;
- Menjalankan penyelidikan dan menganalisa maklumat;
- Menyelaraskan maklumat dan menyedia kertas kerja, input, maklum balas, nota ikhtisar, statistik, petunjuk prestasi utama organisasi dan lain-lain dokumen berkaitan;
- Menjadi urus setia bagi mesyuarat;
- Menyelaras program kerjasama dengan organisasi antarabangsa;
- Menyelaras lawatan kerja dengan organisasi dalam dan luar negara;
- Menyelaras maklumat, menyediakan dokumen dan menghadiri mesyuarat di peringkat kementerian, serantau dan antarabangsa;
- Berkebolehan dalam memberikan khidmat nasihat, menyampaikan taklimat dan ceramah kepada pelanggan serta mewakili MyIPO dalam program-program luar; dan
- Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

Syarat kelayakan:

- Ijazah Sarjana Muda/ Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- **Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai pengetahuan mengenai Perundangan Harta Intelek.**

3. AKAUNTAN - (KONTRAK)

Klasifikasi	:	Perkhidmatan Harta Intelek
Kumpulan Perkhidmatan	:	Eksekutif
Gred	:	IP8
Skala Gaji	:	RM2,688.00 – RM9,630.00

Peranan dan tanggungjawab adalah seperti berikut:

- Penempatan penugasan di **Bahagian Kewangan**;
- Mengutip dan mengakaunkan semua jenis terimaan termasuk hasil;
- Menguruskan semua jenis bayaran termasuk emolumen dan pinjaman;
- Memastikan semua proses terimaan, pengurusan perbelanjaan dan bayaran serta perekodan di dalam akaun lancar dan teratur;
- Menyemak proses penyesuaian bank secara harian;
- Menyediakan laporan kewangan yang berkaitan termasuk Penyata Kewangan;
- Menyelaras belanjawan tahunan;
- Memastikan pengurusan hasil dan perbelanjaan mematuhi peraturan dan prosedur selaras dengan peraturan dan pekeliling yang sedang berkuat kuasa;
- Memberi latihan berkaitan pengurusan kewangan kepada pegawai/ kakitangan Perbadanan MyIPO;
- Melaksanakan perkara berkaitan pengurusan kewangan; dan
- Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

Syarat kelayakan:

- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan serta menjadi Ahli Penuh Badan-Badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau
- Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia; dan
- Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. PEGAWAI HARTA INTELEK - (KONTRAK)

Klasifikasi	:	Perkhidmatan Harta Intelek
Kumpulan Perkhidmatan	:	Eksekutif
Gred	:	IP8
Skala Gaji	:	RM2,688.00 – RM9,630.00

Peranan dan tanggungjawab adalah seperti berikut:

- Penempatan penugasan di **Bahagian Formaliti Paten & Pendaftaran Antarabangsa**;
- Menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai Penolong Pendaftar Paten;
- Menyelaras dan mengendalikan permintaan bantahan terhadap permohonan dan pendaftaran paten;
- Menyelaras permintaan pendengaran bagi permohonan paten yang dikenakan bantahan di peringkat pemeriksaan formaliti dan pemeriksaan substantif;
- Menerima dan menyelaras aduan kesalahan di bawah Akta Paten 1983;
- Berkebolehan untuk meneliti apa-apa perundangan dan Triti Antarabangsa berkaitan harta industri terutama paten;
- Membuat keputusan yang tepat dan konsisten ke atas permohonan dan pendaftaran paten berdasarkan kehendak Akta Paten 1983 dan Peraturan-Peraturan Paten 1986 serta lain-lain perundangan yang berkaitan;
- Berkebolehan dalam memberi khidmat nasihat kepada pelanggan, memberi taklimat dan ceramah berkaitan paten; dan
- Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

Syarat kelayakan:

- Ijazah Sarjana Muda/ Ijazah Sarjana Muda Kepujian/ Ijazah Sarjana dalam bidang undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- Mempunyai Sijil Amalan Guaman dan berdaftar dengan Majlis Peguam Malaysia adalah satu kelebihan; dan
- Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- **Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai tahap penguasaan Bahasa Inggeris yang baik.**

5. PEGAWAI HARTA INTELEK - (KONTRAK)

Klasifikasi	:	Perkhidmatan Harta Intelek
Kumpulan Perkhidmatan	:	Eksekutif
Gred	:	IP8
Skala Gaji	:	RM2,688.00 – RM9,630.00

Peranan dan tanggungjawab adalah seperti berikut:

- Penempatan penugasan di **Bahagian Hak Cipta**;
- Bertanggungjawab melaksanakan penugasan sebagai Penolong Pengarah Hak Cipta khususnya dalam Organisasi Pengurusan Kolektif (CMO);
- Membantu Pengarah Hak Cipta dalam urusan rutin pentadbiran;
- Membantu merancang kajian dan pelaporan yang bersesuaian dengan perubahan berpandukan hala tuju peranan dan petunjuk prestasi utama (KPI) bahagian;
- Menyediakan laporan dan merekod aktiviti bahagian dalam bentuk minit mesyuarat, kertas laporan, kertas maklum balas, dokumen penerbitan dan sebagainya;
- Menyelaras dan memantau maklumat yang diberi dan diterima berkaitan penugasan bahagian;
- Mempunyai suatu tanggungjawab yang diamanahkan dalam mewakili Pengarah Hak Cipta ke mesyuarat atau diskusi sama ada secara dalaman atau luar jabatan dan memberi tindakan maklumbalas melalui hasil pelaporan agenda yang dipersetujui;
- Membantu Pengarah Hak Cipta dalam perbincangan dan semakan semula setiap penugasan yang diterima dari pegawai bawahan dan atasan untuk meminimumkan ketidaksempurnaan hasil kerja;
- Mengkaji pendekatan proses kerja yang lebih inovatif untuk digunapakai bagi merealisasikan matlamat organisasi dari semasa ke semasa khususnya yang melibatkan permohonan pemberitahuan hak cipta;
- Membantu memproses permohonan hak cipta bagi tujuan mengelakkan berlakunya tunggakan permohonan (*backlog*);

- Berkebolehan dalam memberi khidmat nasihat kepada masyarakat, memberi taklimat dan ceramah berkaitan hak cipta; dan
- Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

Syarat kelayakan:

- Ijazah Sarjana Muda/ Ijazah Sarjana Muda Kepujian/ Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

6. PEGAWAI SISTEM MAKLUMAT - (KONTRAK)

Klasifikasi	:	Perkhidmatan Harta Intelekt
Kumpulan Perkhidmatan	:	Eksekutif
Gred	:	IP8
Skala Gaji	:	RM2,688.00 – RM9,630.00

Peranan dan tanggungjawab adalah seperti berikut:

- Penempatan penugasan di **Bahagian Pengurusan Maklumat**;
- Melaksanakan kajian kesesuaian sistem maklumat MyIPO yang sedia ada dan seterusnya menganalisis, mereka bentuk, membangun, melaksana dan menyelenggara sistem-sistem maklumat yang digunakan di MyIPO.
- Menjalankan kerja-kerja pemantauan keselamatan maklumat MyIPO iaitu telekomunikasi dan rangkaian, pusat data, pangkalan data, aplikasi serta kawalan akses ke atas maklumat keselamatan ICT MyIPO.
- Menjalankan kerja-kerja analisis dan cadangan penyelesaian ke atas maklumat keselamatan ICT MyIPO.
- Menjalankan kerja-kerja operasi Pusat Data, pengurusan insiden, kesinambungan bisnes termasuk pemulihan bencana (*disaster recovery*) dan pengurusan audit keselamatan ICT.
- Mengurus dan menyelaras urusan perolehan dan penyelenggaraan perkakasan, perisian, aplikasi dan lain-lain keperluan ICT serta menguruskan operasi Helpdesk.
- Melaksanakan tugas-tugas mereka bentuk, menyelenggara dan mentadbir rangkaian dan telekomunikasi.
- Memantau dan menganalisis keberkesanan penggunaan rangkaian dan telekomunikasi.
- Melaksanakan kerja-kerja operasi keselamatan maklumat meliputi telekomunikasi dan rangkaian, pusat data, pangkalan data, aplikasi dan kawalan akses ke atas maklumat keselamatan ICT MyIPO.
- Melaksanakan kerja-kerja analisis dan cadangan penyelesaian ke atas maklumat keselamatan ICT, kerja-kerja pengurusan insiden, pengurusan risiko, kesinambungan bisnes, pengurusan

audit keselamatan ICT, menggubal dan memperaku dasar pengurusan keselamatan maklumat serta penggunaan teknologi pengurusan keselamatan maklumat MyIPO; dan

- Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

Syarat kelayakan:

- Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang sains komputer dan teknologi maklumat atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- Ijazah Sarjana Muda kejuruteraan dalam bidang komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- Mempunyai pengalaman dalam melaksanakan pengurusan operasi keselamatan ICT, Pusat Data dan rangkaian sekurang-kurangnya 3 hingga 5 tahun atau mempunyai kemahiran tinggi dalam keselamatan ICT, Pusat Data dan rangkaian; dan
- Mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kepakaran yang mendalam mengenai perkakasan, peralatan dan sistem komputer serta mengikuti perkembangan teknologi maklumat terkini.

7. PENOLONG PEGAWAI HARTA INTELEK - (KONTRAK)

Klasifikasi	:	Perkhidmatan Harta Intelek
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
Gred	:	IP10
Skala Gaji	:	RM1,963.00 – RM6,123.00

Peranan dan tanggungjawab adalah seperti berikut:

- Penempatan penugasan di **Bahagian Formaliti Paten & Pendaftaran Antarabangsa**;
- Menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai Penolong Pendaftar Paten;
- Mengendalikan permintaan bantahan terhadap permohonan dan pendaftaran paten;
- Mengendalikan permintaan pendengaran bagi permohonan paten yang dikenakan bantahan di peringkat pemeriksaan formaliti dan pemeriksaan substantif;
- Menerima permohonan penerbitan awal suatu permohonan paten;
- Menjalankan semakan pengelasan paten mengikut klasifikasi antarabangsa yang digunapakai;
- Berkebolehan dalam memberi khidmat nasihat kepada pelanggan, memberi taklimat dan ceramah berkaitan paten; dan
- Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

Syarat kelayakan:

- Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

8. PENOLONG PEGAWAI HARTA INTELEK - (KONTRAK)

Klasifikasi	:	Perkhidmatan Harta Intelek
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
Gred	:	IP10
Skala Gaji	:	RM1,963.00 – RM6,123.00

Peranan dan tanggungjawab adalah seperti berikut:

- Penempatan penugasan di **Bahagian Hak Cipta**;
- Bertanggungjawab dalam penugasan operasi berkaitan pemprosesan dan pemeriksaan bagi permohonan Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta;
- Membantu bahagian dalam perkhidmatan memberi nasihat, penerangan, panduan atau menyelesaikan permasalahan kepada pemohon mengenai prosedur permohonan pendaftaran hak cipta;
- Mengendalikan pertanyaan awam berkaitan hak cipta melalui e-mel, panggilan telefon dan bersemuka;
- Membantu bahagian dalam pembentangan taklimat berkaitan hak cipta dan pendaftaran hak cipta kepada golongan sasar;
- Membantu menyediakan pelaporan mengenai status permohonan dan perkembangan keterlibatan aktiviti/projek/sistem kepada Penolong Pengarah dan Pengarah Bahagian Hak Cipta;
- Membantu dalam penyelenggaraan acara dan mesyuarat berkaitan hak cipta;
- Membantu penugasan pentadbiran lain berkaitan Organisasi Pengurusan Kolektif (CMO), Tribunal Hak Cipta, Entiti Yang Diberi Kuasa (EYDK); dan
- Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

Syarat kelayakan:

- Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

9. PEMBANTU SISTEM MAKLUMAT - (KONTRAK)

Klasifikasi	:	Perkhidmatan Harta Intelek
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
Gred	:	IP12
Skala Gaji	:	RM1,408.00 – RM4,691.00

Peranan dan tanggungjawab adalah seperti berikut:

- Penempatan penugasan di **Bahagian Pengurusan Maklumat**;
- Menerima dan memberikan “*1st Level Support*” terhadap pertanyaan-pertanyaan mengenai IP Online secara dalam talian/ panggilan telefon;
- Memberi sokongan *Helpdesk* dengan bertindak pantas dan berkesan kepada masalah pelanggan;
- Membantu mengendalikan pertanyaan-pertanyaan mengenai pemfailan IP Online dan maklum balas pelanggan IP Online;
- Menghebahkan penambahbaikan atau perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan IP Online;
- Mengambil tindakan susulan bagi masalah sistem IP Online;
- Merekod panggilan pelanggan dan menghantar laporan statistik kepada pegawai atasan;
- Membalas email pengguna sekiranya perlu;
- Mengemukakan permasalahan terkini yang berlaku dalam sistem IP Online;
- Membuat *troubleshoot/remote session* sekiranya perlu;
- Merujuk kepada pegawai untuk mendapatkan pandangan atau bantuan;
- Lain-lain hal berkaitan keperluan IP Online.

Syarat kelayakan:

- Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Permohonan hendaklah menggunakan **BORANG PERMOHONAN JAWATAN KOSONG MyIPO** yang boleh diperolehi dengan memuat turun di laman web kami bersama-sama sesalinan sijil-sijil dan gambar berukuran pasport terkini.

Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat dan ditulis nama jawatan yang dimohon di sebelah kiri atas sampul surat dan menyerahkan borang tersebut **selewat-lewatnya pada 28 November 2023** kepada:

**PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA
ARAS 20, MENARA MyIPO, PJ SENTRAL
LOT 12, PERSIARAN BARAT, SEKSYEN 52
46200 PETALING JAYA, SELANGOR
(u.p.: Bahagian Sumber Manusia)**

Hanya calon-calon yang disenarai pendek sahaja akan dihubungi untuk ditemuduga.

PENTING:

- 1) Pemohon hendaklah menyertakan Surat Akuan Pengiktirafan Diploma/ Ijazah daripada Kementerian Pengajian Tinggi dan semakan pengiktirafan boleh dibuat di alamat web berikut: (<http://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm>) atau (<https://www2.mqa.gov.my/mqr/>); dan
- 2) Pemohon hendaklah menyertakan SIJIL VAKSINASI LENGKAP 2 DOS COVID-19 (diwajibkan) serta dos penggalak (jika ada).